

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

STP311 - Penyelidikan Kerja Sosial

Masa: [3 jam]

Jawab semua bahagian. Setiap soalan mesti dijawab dalam muka surat yang baru.

Bahagian I (45%)

Soalan ini wajib dijawab.

1. (i) Bincangkan sistem pengetahuan dan sistem nilai dalam penyelidikan berpenyertaan.
- (ii) Bagaimanakah jenis penyelidikan ini boleh membawa pengetahuan dan tindakan untuk pembangunan rakyat?
- (iii) Bincangkan kesesuaian pendekatan penyelidikan ini untuk penyelidikan kerja sosial.

Bahagian II (15%)

2. Jawab tiga (3) daripada enam (6) yang berikut:

- (i) bezakan antara interbiu dengan dialog
- (ii) bezakan penyelidikan alternatif daripada penyelidikan konvensional
- (iii) apakah perbezaan antara kajian "cross-section" dengan kajian "longitudinal"
- (iv) bezakan kaedah kutipan data yang "membangkitkan" (evocative) dari kaedah kutipan data yang "mencabut" (extractive)
- (v) bezakan makna perkaedahan daripada kaedah
- (vi) bezakan kod (code) daripada soal-selidik.

...2/-

Bahagian III (40%)

3. Huraikan dengan secara ringkas dua (2) daripada empat (4) yang berikut:
- (i) bagaimana kita memahami kenyataan (realiti) sosial
 - (ii) kelemahan penyelidikan tinjauan
 - (iii) bagaimana statistik sosial menyelewengkan keadaan sosial
 - (iv) sumbangan feminisme dalam penyelidikan.